

05/09/1999

Pengkritik dasar silap lagi

SEPANJANG minggu ini, 1 September menjadi fokus utama semua pihak. Langkah kawalan modal berpilih yang menyambut ulang tahun pertamanya Rabu lalu yang disifatkan oleh masyarakat kewangan dunia tidak relevan dan melampau, berlalu tanpa kesan besar kepada Malaysia. Terbukti ramuan ubat-ubatan yang kita adun sendiri amat mujarab menyembuhkan penyakit. Kita membuat keputusan bijak tidak menelan pil ditawarkan doktor asing walaupun dunia mengiktiraf mereka pakar. Paling membanggakan, ubat buatan tempatan itu diikuti sepenuhnya peraturan dan jadual pemakanannya oleh setiap lapisan rakyat. Berucap pada simposium ulang tahun pertama kawalan modal di Kuala Lumpur, Khamis lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan bangganya berkata kesungguhan rakyat menjadi rahsia kejayaan sebenar kebangkitan Malaysia daripada kegawatan. Beliau mengangkat tabik kepada rakyat menghargai sikap pragmatik mereka bersatu padu dalam satu pasukan dan bertekad mengharungi perjuangan antara hidup atau mati itu.

Hari ini walaupun kebolehan Malaysia menguruskan pemulihan ekonominya semakin diakui mereka yang sebelumnya lantang mengkritik, namun di sebalik pengiktirafan itu tetap ada suara sumbang memperkecilkan kewibawaan kita. Selepas keengganan Malaysia menyambut tangan yang dihulurkan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) - menyerlahkan bahawa ia adalah satu keputusan kita paling tepat - muncul pula hujah terbaru. Kata mereka, pencapaian Malaysia memang jelas tetapi negara yang menerima bantuan IMF juga mencapai kejayaan sama dengan Malaysia tanpa perlu mengambil langkah kawalan modal. Mereka tetap tidak mahu menerima hakikat bahawa itu adalah satu kebijaksanaan dan kelebihan kita. Berdasarkan perspektif mereka, kononnya jika Malaysia tidak menggunakan cara sendiri sebaliknya mematuhi IMF, kita juga boleh bangkit daripada kegawatan itu. Lihat apa yang sudah dialami di Korea, Thailand dan Indonesia. Mereka mendakwa negara ini juga pulih seperti biasa.

Persoalannya, mengapa pula mereka tidak mahu melihat daripada perspektif Malaysia? Maknanya, jika penganalisis dan pengkritik ekonomi asing boleh mengakui cara kita sama baiknya dengan pakej primitif IMF itu kerana akhirnya semua negara pulih, mengapa langkah Malaysia itu tidak mahu mereka terima pakai? Jawapan kepada persoalan ini ialah kerana mereka malu untuk tunduk melutut mengiktiraf bahawa cara baru yang ditemui negara membangun seperti Malaysia bagi menangani krisis terbukti sama baiknya malah lebih bagus lagi daripada kaedah kuno IMF itu. Mereka bimbang, jika kejayaan besar kawalan modal berpilih tidak diperkecilkan dari sekarang, kesannya amat buruk sekali terhadap imej IMF jika sekali lagi dunia mengalami putaran kegawatan. Pasti banyak negara akan berpaling kepada Malaysia untuk dicontohi dan IMF yang ditunggangi negara berkuasa besar selama ini, ditinggalkan terpingga-pingga.

Sayangnya, pendukung hujah juga tidak dapat melihat lebih jauh logik kaedah Malaysia itu. Lebih malang, hujah mereka secara membuta-tuli dikongsi pakai sekumpulan pakar ekonomi tempatan kita semata-mata kerana mereka menyokong parti pembangkang. Mereka tidak mahu menerima hakikat pakej Malaysia itu terbaik hanya kerana bencikan kerajaan diketuai Dr Mahathir. Jika mereka boleh berhujah bahawa Indonesia, Korea Selatan dan Thailand mencapai hasil setanding Malaysia tanpa perlu mengadakan kawalan mata wang, bukankah boleh kita hujahkan juga bahawa negara ini mencapainya tanpa perlu mengharungi pelbagai penderitaan berbanding negara itu.

Jelas sekali cara Malaysia tidak langsung menyaksikan pengangguran

bertambah, kebuluran berlaku, kanak-kanak tidak lagi ke sekolah malah lebih buruk pertumpahan darah di jalanan dan huru-hara politik di seluruh tanah air. Kita berupaya mencapai apa yang diperoleh negara lain yang menerima bantuan IMF tetapi tanpa berhutang besar, kerajaan Malaysia tidak membebankan generasi dengan hutang; rakyat tidak perlu menggadai harta pusaka keluarga mereka manakala syarikat korporat tidak dilelong untuk dikuasai asing. Malah apa yang lebih mulia dan dihormati sampai bila-bila, bangsa Malaysia tidak sekali-kali terpaksa melutut, menyembah dan mencium kaki orang lain untuk perut mereka diisi. Apakah pembangkang mahu melihat semua ini menghimpit kehidupan rakyat Malaysia jika kita akur dengan kehendak IMF? Sesungguhnya pemimpin pembangkang dan "pakar-pakar ekonomi" yang selama ini meracuni pemikiran rakyat menerusi pelbagai laporan ekonomi yang negatif dalam media mereka, memikirkan perkara itu secara rasional, bertanggungjawab dan penuh rasa keinsafan.

(END)